

Mesej Empat

**Kristus Almuhit Merupakan Tanah Permai—
Tanah yang Mempunyai Sungai, Mata Air, dan Sumber Air,
yang Mengalir Keluar di Lembah dan di Gunung**

Bacaan Bible: Ul. 8:7; 11:11-12; Yer. 2:13; 17:7-8; Yes. 12:3-6; Yoh. 4:14b

- I. **Galatia 3:14 berkata, “Supaya berkat Abraham dapat sampai kepada bangsa Asing dalam Kristus Yesus, agar menerusi iktikad, kita dapat menerima Roh itu yang dijanjikan”:**
 - A. Aspek fizikal berkenaan berkat yang dijanjikan Tuhan kepada Abraham ialah tanah permai (Kej. 12:7; 13:15; 17:8; 26:3-4), yang merupakan tamsil bagi Kristus almuhit (Kol. 1:12); memandangkan Kristus akhirnya direalisasikan sebagai Roh beri-hayat yang almuhit (1 Kor. 15:45; 2 Kor. 3:17), maka berkat Roh yang dijanjikan sejajar dengan berkat tanah permai yang dijanjikan kepada Abraham.
 - B. Sebenarnya, Roh itu sebagai realisasi Kristus dalam pengalaman kita ialah tanah permai yang merupakan sumber perbekalan limpah lengkap daripada Tuhan untuk kita nikmati; inilah “perbekalan limpah lengkap daripada Roh Yesus Kristus” sebagai bekalan Tubuh Kristus—Flp. 1:19.
- II. **Kristus almuhit sebagai Roh almuhit ialah “tanah yang mempunyai sungai, mata air dan sumber air, yang mengalir keluar di lembah dan di gunung”—Ul. 8:7; 11:11-12:**
 - A. Sungai, mata air dan sumber air menandakan Kristus sebagai Roh yang mengalir (Yoh. 4:10, 14; 7:37-39; Wahi 22:1), dan lembah serta gunung menandakan pelbagai sekitaran yang dalamnya kita dapat mengalami Kristus sebagai Roh yang mengalir.
 - B. Dalam seluruh Bible terdapat satu garis berkenaan Tuhan Tritunggal sebagai air—Kej. 2:10-14; Kel. 17:5-6; Mzm. 36:8-9; 46:4; Yoh. 4:10, 14; 7:37-39; 1 Kor. 10:4; Wahi 7:17; 22:1:
 1. Sungai dalam Kejadian 2:10 menandakan sungai air hayat; di sepanjang sungai, pohon hayat bertumbuh; sungai ini menghilangkan dahaga manusia.
 2. Dalam Mazmur 36:8-9 sumber air merujuk kepada Bapa sebagai sumber hayat, dan sungai merujuk kepada Roh itu sebagai sungai air hayat—Yoh. 1:4; 7:37-39.
 3. Sungai dalam Mazmur 46:4 menandakan pengaliran Tuhan Tritunggal dalam Kristus menerusi Roh itu untuk menjadi hayat kepada umat Tuhan.
 4. Air hayat merupakan simbol bagi Tuhan dalam Kristus sebagai Roh itu, yang mengalirkan diri-Nya ke dalam orang yang ditebus-Nya, untuk menjadi hayat dan bekalan hayat mereka; air hayat ditamsilkan oleh air yang mengalir keluar dari batuan yang terbelah (Kel. 17:6; Bil. 20:11) dan dilambangkan oleh air yang mengalir keluar daripada rusuk Tuan Yesus yang tertikam (Yoh. 19:34).
 5. Sungai air hayat dalam Wahi 22:1 dan sungai-sungai dalam Kejadian 2:10-14, Mazmur 46:4, dan Yehezkiel 47:5-9 menandakan kelimpahan hayat dalam pengalirannya; seperti yang ditunjukkan dalam Yohanes 7:38, satu sungai ini bersama dengan kekayaannya menjadi banyak sungai dalam pengalaman kita terhadap pelbagai aspek bagi kekayaan Roh hayat Tuhan—Roma 8:2; 15:30; 1 Tes. 1:6; 2 Tes. 2:13; Gal. 5:22-23.
- III. **Air “yang mengalir keluar di lembah dan di gunung” (Ul. 8:7b) menunjukkan bahawa Kristus merupakan air hidup mengalir dalam sekitaran yang berlainan (bd. 1 Raj. 20:23, 28):**

Mesej Empat (sambungan)

- A. Lembah ialah pengalaman terhadap salib, pengalaman terhadap kematian Kristus, dan gunung ialah pengalaman terhadap kebangkitan Kristus—2 Kor. 1:9; 4:11, 14.
 - B. Kristus yang huni secara dalaman merupakan harta dalam kita ini yang merupakan wadah tanah, dan Dia merupakan sumber divin bagi perbekalan kehidupan Kristian dan kudrat yang unggul bagi kita menjalani kehidupan yang tersalib demi manifestasi hayat kebangkitan—ay. 7; Flp. 4:13:
 - 1. Paulus mengatakan bahawa dia dan rakan sekerjanya “terlalu berat dibebani, melampaui daya kami, sehinggakan kami putus harapan hidup...Supaya kami tidak menaruh keyakinan kami pada diri sendiri tetapi pada Tuhan yang membangkitkan orang mati”—2 Kor. 1:8-9.
 - 2. Sebenarnya, kebangkitan memerlukan kematian, kehampaan, dan kekecewaan untuk dimanifestasikan (ay. 4; 7:5-6); kerja salib menamatkan diri kita agar kita dapat menikmati Tuhan kebangkitan.
 - C. Paulus berhidupkan hayat kebangkitan di bawah pembunuhan salib demi melaksanakan ministrinya; “sentiasa membawa pematian Yesus pada tubuh supaya hayat Yesus juga dapat dimanifestasikan dalam tubuh kami”—4:10:
 - 1. Dalam erti kata positif, Yesus sentiasa membunuh semua perkara negatif dalam kita untuk menyembuhkan dan menghidupkan kita—Flp 1:19; bd. Kel. 30:23-25.
 - 2. Apabila kita menolak diri kita pada waktu pagi untuk menerima Tuhan ke dalam kita, kita ada perasaan sepanjang hari bahawa proses pembunuhan sedang berlangsung dalam kita—bd. Ams. 4:18.
 - D. “Kerana kami yang hidup, sentiasa diserahkan kepada kematian demi Yesus supaya hayat Yesus juga dapat dimanifestasikan dalam tubuh daging kami yang akan mati”—2 Kor. 4:11:
 - 1. Pembunuhan salib terhasil dalam manifestasi hayat kebangkitan; pembunuhan yang berlaku setiap hari ini adalah untuk membebaskan hayat divin dalam kebangkitan—1 Kor. 15:31; 2 Kor. 4:16.
 - 2. Dutus menjalani suatu kehidupan yang sama seperti kehidupan Tuan Yesus di bumi; kehidupan Tuan ialah kehidupan di bawah pembunuhan salib untuk memanifestasikan hayat kebangkitan, iaitu kehidupan yang sedemikian menjadikan persona-Nya satu dengan ministri-Nya, dan kehidupan-Nya ialah ministri-Nya—Yoh. 6:14-15; 12:13, 19, 23-24.
 - E. “Dengan demikian, kematian beroperasi dalam kami tetapi hayat dalam kamu” (2 Kor. 4:12); apabila kita berada di bawah pembunuhan kematian Tuan, hayat kebangkitan-Nya disalurkan menerusi kita ke dalam orang lain:
 - 1. Jalan bagi gereja dapat wujud dan bertambah bukanlah melalui kemuliaan manusia tetapi melalui kematian salib untuk membebaskan api hayat divin—Luk. 12:49-50; Yoh. 2:19; 12:24-26.
 - 2. Tuan, sebagai sebiji gandum yang jatuh ke tanah, kehilangan hayat-sukma-Nya menerusi kematian, agar Dia dapat membebaskan hayat abadi-Nya dalam kebangkitan kepada banyak biji; sebagai banyak biji, kita juga harus kehilangan hayat-sukma kita menerusi kematian agar kita dapat menikmati hayat abadi dalam kebangkitan.
- IV. Yeremia 2:13 berkata, “Umat-Ku telah melakukan dua kejahatan: / Mereka telah meninggalkan Aku, / Sumber air hidup, / Untuk memahat bagi diri mereka takungan, / Takungan pecah / Yang tidak dapat menakung air”:**

GARIS KASAR LATIHAN

Mesej Empat (sambungan)

- A. Kejahatan yang dilakukan oleh umat Tuhan adalah mereka meninggalkan Tuhan yang merupakan sumber mereka, asal mereka, dan mereka berpaling kepada sumber yang selain Tuhan.
 - B. Memahat takungan menggambarkan jerih lelah Israel dengan menggunakan usaha manusia untuk membuat sesuatu (berhala) bagi menggantikan Tuhan; takungan itu pecah dan tidak dapat menakung air menunjukkan bahawa selain Tuhan sendiri didispenkan ke dalam kita sebagai air hidup, tidak ada apa-apa yang dapat menghilangkan kehausan kita dan menjadikan kita pertambahan Tuhan demi ekspresi-Nya—Yoh. 4:13-14.
 - C. Di mata Tuhan, orang durjana, orang jahat, ialah orang yang tidak datang untuk minum Dia (Yes. 55:7); keadaan jahat orang durjana ialah mereka tidak datang kepada Tuan untuk makan, minum, dan menikmati Tuan; mereka melakukan banyak perkara, namun mereka tidak datang menghubungi Tuan, mengambil-Nya, menerima-Nya, mengecap-Nya, dan menikmati-Nya; di mata Tuhan, tidak ada apa-apa yang lebih jahat daripada ini (57:20-21; bd. 55:1-2).
- V. Kita perlu membina tabiat untuk menimba air daripada mata air penyelamatan untuk minum dan mengalirkan air hayat—12:3-6; Yoh. 7:37-39; Ams. 11:25:**
- A. Kita perlu menimba air dengan girang dari mata air penyelamatan dengan berbicara kepada Tuan, melalui Tuan, untuk Tuan, dalam Tuan, dan bersama dengan Tuan—Yes. 12:3-6; Flp. 4:6-7, 12; bd. *Kidung*, #210.
 - B. Kita perlu memuji Tuan, bergirang dalam-Nya, sentiasa bersyukur, dan berkidung kepada Tuan—1 Tes. 5:16-18; Flp. 4:4; Ibr. 13:15; Mzm. 119:164; Ef. 5:18-20.
 - C. Kita perlu menyeru nama Tuan—Kis. 2:21; 1 Kor. 12:13, 3; 1 Tes. 5:17; 1 Kor. 1:2; Hak. 15:18-19; Rat. 3:55-56; *Kidung*, #65.
 - D. Kita perlu memberitakan injil, memberitahu orang lain apa yang telah disempurnakan Kristus—Roma 1:16; Yoh. 4:32-34; Flp. 2:9; 1 Ptr. 2:9.
 - E. Kita perlu memberi Tuan kedudukan yang pertama dalam kita dan melakukan segala sesuatu menurut sifat divin—Wahi 22:1; Kol. 1:18b; 2 Ptr. 1:4.
- VI. Menurut ekonomi Tuhan, seseorang yang yakin kepada Tuhan adalah seperti pohon yang ditanam di tepi air, yang menandakan Tuhan yang merupakan sumber air hidup; pohon bertumbuh di tepi sungai dengan menyerap segala kekayaan air; inilah gambaran ekonomi Tuhan, yang dilaksanakan melalui pendispenan divin-Nya—Yer. 17:7-8:**
- A. Untuk menerima pendispenan divin, kita sebagai pohon harus menyerap Tuhan yang merupakan air (bd. 1 Kor. 3:6; Kol. 2:7a); kekayaan daripada Tuhan yang membekal itu didispenkan ke dalam kita yang merupakan pohon lalu mengkonstitusikan kita dengan kedivinan Tuhan dan menyebabkan kita bertumbuh menjadi ukuran Tuhan (ay. 2:19); dengan cara ini, kita dan Tuhan menjadi satu, mempunyai elemen, esens, konstitusi, dan penampilan yang sama (Wahi 4:3; 21:11).
 - B. Makna doa adalah untuk kita menyerap Tuhan; semakin kita menghubungi Tuhan, semakin kita akan menyerap-Nya, dan semakin kita menyerap-Nya, semakin kita akan menikmati-Nya:
 - 1. Terdapat sebuah kidung yang berbunyi, “Menurut diriku yang seadanya” (*Kidung*, #724); ini bererti bahawa kita harus datang kepada Tuhan menurut keadaan asal diri kita, tanpa cuba memperbaiki atau mengubah keadaan kita; kita menerima Kristus dengan sedemikian, dan kita harus bergerak-hidup dalam Kristus dengan sedemikian—Kol. 2:6-7a.

Mesej Empat (sambungan)

2. Berdoa bererti datang kepada Tuan menurut keadaan asal diri kita; apabila kita datang kepada Tuan, kita harus membentangkan keadaan dalaman kita di hadapan-Nya dan memberitahu-Nya bahawa kita serba kekurangan dalam setiap perkara; biarpun kita ini lemah, keliru, sedih, dan tidak ada kata, kita masih boleh datang ke hadapan Tuhan; tidak kira apa jua keadaan dalaman kita, kita harus membawanya kepada Tuhan.
3. Kita tidak harus memperhatikan keadaan kita, sebaliknya kita perlu masuk ke dalam hadirat Tuhan untuk menghubungi-Nya dengan memandangkan kepada-Nya, menatap-Nya, memuji-Nya, mengucapkan syukur kepada-Nya, menyembah-Nya, dan menyerap-Nya; dengan itu kita akan menikmati kekayaan Tuhan, mengecap kemanisan-Nya, menerima Dia sebagai cahaya dan kudrat, dan berasa damai, terang, kuat, dan diperkudratkan secara dalaman; dengan demikian kita akan belajar kekal berhubung dengan-Nya apabila kita meministerkan sabda kepada pekudus—1 Ptr. 4:10-11; 2 Kor. 2:17; 13:3.

VII. Yohanes 4:14b berkata, “Air yang akan Kuberikan kepadanya akan menjadi sumber mata air dalamnya, yang memancar keluar ke dalam hayat abadi:

- A. Ini mewahikan Tuhan Tritunggal yang mengalir—(1) Bapa ialah sumber air, yakni sumber; (2) Anak ialah mata air, yakni sumber air yang dinyatakan; (3) Roh ialah sungai, yakni aliran; Tuhan Tritunggal mengalir menerusi Bapa, Anak, dan Roh ke dalam kita dan mengalir dari diri dalaman kita dalam orang lain—2 Kor. 13:14; Yoh. 7:37-38.
- B. Pengaliran Tuhan Tritunggal adalah “ke dalam hayat abadi” (4:14b); Yerusalem Baru ialah totaliti hayat abadi, dan perkataan *ke dalam* bermaksud “menghasilkan” atau “untuk menjadi”; oleh itu, Bapa sebagai sumber air, Anak sebagai mata air, dan Roh sebagai sungai mengalir ke dalam kita dan bersama dengan kita untuk menjadi Yerusalem Baru sebagai totaliti hayat abadi.